



# PANDUAN PENULISAN MANUSKRIP JURNAL TEMPAWAN

Disediakan oleh:  
Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

ISSN 0127-6093  
© Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

## 1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan bagi menerbitkan manuskrip jurnal TEMPAWAN terbitan Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi (JPPI).

## 2.0 PENGENALAN

TEMPAWAN ialah jurnal antarabangsa yang berkaitan dengan guru, pengajaran dan/atau pendidikan guru yang terletak dalam perspektif dan konteks antarabangsa. Jurnal ini menggunakan pendekatan *double-blind peer-reviewed* dan diterbitkan sekali setahun (Disember). Jurnal ini memberi tumpuan kepada pendidikan awal kanak-kanak sehingga pendidikan menengah, penyediaan guru, pembangunan profesional guru dan/atau pendidikan guru. TEMPAWAN merupakan jurnal pelbagai disiplin yang komited kepada pelbagai pendekatan, disiplin, metodologi atau paradigma tunggal. Jurnal ini mengalu-alukan pendekatan yang pelbagai (kaedah kualitatif, kuantitatif, dan kaedah campuran) bagi penyelidikan empirikal serta ulasan sistematik dan meta analisis.

Manuskrip yang diterima adalah berdasarkan hasil kerja penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pendidikan. Kandungan manuskrip hendaklah dalam bentuk berikut:

- a) hasil kerja penyelidikan;
- b) penemuan, kaedah atau aplikasi baharu;
- c) penilaian sesuatu secara kritikal; dan
- d) kertas konsep

## 3.0 SYARAT PENERIMAAN

Manuskrip yang dihantar hendaklah yang belum pernah diterbitkan dalam mana-mana jurnal, prosiding atau seumpamanya. Manuskrip perlu dihantar dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) format *Microsoft Word* dengan mengikut format seperti Perkara 4.0. dan 5.0. Manuskrip yang tidak mematuhi format penulisan akan ditolak.

## 4.0 FORMAT PENULISAN

Semua artikel hasil kerja penyelidikan termasuk kajian tindakan haruslah mengikut format yang ditetapkan dalam garis panduan ini.

Panjang artikel mestilah antara **4000 hingga 6000 patah perkataan** atau **10 hingga 15 halaman** termasuk halaman rujukan mengikut format berdasarkan sistem penulisan *American Psychological Association 7th Edition (APA)*.

Ukuran manuskrip dalam kertas A4 perlulah menggunakan jidar berikut:

- a. Atas: 2.54 cm
- b. Bawah: 2.54 cm
- c. Kiri: 2.54 cm
- d. Kanan: 2.54 cm

Manuskrip perlulah ditaip menggunakan font jenis **Times New Roman** mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

#### 4.1 PENYEDIAAN TAJUK

Tajuk hendaklah ringkas dan padat. **Tajuk perlu ditulis dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.**

Di bawah tajuk pula perlu ditulis nama penih penulis manuskrip berkenaan. **Nama setiap penulis perlu disertakan dengan nama institusi/organisasi beserta dengan alamat emel.**

- i. Tajuk manuskrip
  - a. Saiz: 12 poin
  - b. *Bold & Uppercase*
  - c. *Centered*
- ii. Nama Penulis
  - a. Saiz: 11 poin
  - b. *Italic*
  - c. *Centered*
- iii. Maklumat Penulis (Institusi dan emel)
  - a. Saiz: 11 poin
  - b. *Italic & Title Case*
  - c. *Centered*

#### 4.2 PENYEDIAAN ABSTRAK

Abstrak adalah sinopsis manuskrip yang padat dan ringkas yang merangkumi aspek- aspek pemasalahan, objektif, kaedah dan dapatan serta kesimpulan. Abstrak tidak boleh melebihi 200 patah perkataan dan perlu ditulis menggunakan format *Italic*, bersaiz 11 dan *Justified*. Abstrak perlu disediakan dalam **dua bahasa** iaitu **bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.**

#### 4.3 KATA KUNCI

Penulis perlu memberikan tiga hingga lima patah perkataan kata kunci dan ditulis selepas Abstrak. Ia bertujuan bagi memudahkan pencarian

maklumat. Kata kunci perlu ditulis menggunakan format *Times New Roman* bersaiz 11 dan *Justified*.

#### 4.4 KANDUNGAN

Manuskrip haruslah mengandungi bahagian-bahagian berikut iaitu **Pengenalan, Sorotan Literatur, Kaedah, Keputusan, Perbincangan dan Rumusan**. Setiap bahagian perlu diberikan tajuk yang sesuai. Tajuk perlu ditulis menggunakan format *Bold*, bersaiz 12 dan *Justified*. Manakala teks manuskrip pula ditulis menggunakan format *Normal*, bersaiz 11 dan *Justified*.

Setiap jadual dan rajah perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum dipersembahkan dan diikuti dengan keterangan berkaitan jadual dan gambar rajah tersebut. Jadual dan gambar rajah hendaklah lengkap, ringkas dan jelas serta diberikan tajuk yang bersesuaian. Jadual atau rajah ini juga hendaklah dinomborkan secara teratur seperti Jadual 1, Jadual 2 dan seterusnya atau Rajah 1, Rajah 2 dan seterusnya. Tajuk jadual perlu diletakkan di bahagian atas jadual, manakala tajuk rajah pula perlu diletakkan di bahagian bawah rajah (mengikut format **APA Citation Style 7th edition**).

#### Contoh:

##### **Rujukan kepada penerbitan jurnal:**

Ruxton, C. (2016). Tea: Hydration and other health benefits. *Primary Health Care*, 26(8), 34-42. <https://doi.org/10.7748/phc.2016.e1162>

##### **Rujukan kepada buku:**

Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. (4th ed.). PHI Learning Private Limited.

##### **Rujukan kepada tesis yang tidak diterbitkan:**

Muhaya Salleh. (2016). *Keberkesanan latihan praktikum berasaskan kepada perkembangan identiti profesional guru pelatih di institut pendidikan guru Malaysia*. [Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.

##### **Rujukan kepada bab dalam buku yang disunting:**

Mettam, G. R., & Adams, L. B. (2009). How to prepare an electronic version of your article. In B. S. Jones, & R. Z. Smith (Eds.), *Introduction to the electronic age* (pp. 281-304). E-Publishing Inc.

##### **Rujukan kepada laman web:**

Powertech Systems. (2015). *Lithium-ion vs lead-acid cost analysis*. Retrieved from <http://www.powertechsystems.eu/home/tech-corner/lithium-ion-vs-lead-acid-cost-analysis/>. Accessed January 6, 2016.

##### **Rujukan kepada kertas persidangan atau pembentangan poster: Rujukan kepada kertas persidangan atau pembentangan poster:**

Engle, E. K., Cash, T. F., & Jarry, J. L. (2009, November). *The body image behaviours inventory-3: Development and validation of the body image compulsive actions and body image avoidance scales*. Poster session presentation at the meeting of the Association for Behavioural and Cognitive Therapies, New York, NY.

#### 4.5 PENGHARGAAN

Penghargaan tidak lebih dari 50 patah perkataan, jika ada, diletakkan di bahagian akhir manuskrip sebelum bahagian rujukan.

#### 4.6 KENYATAAN KONFLIK KEPENTINGAN

Sebarang konflik kepentingan yang benar atau berpotensi termasuk sebarang hubungan kewangan, peribadi atau lain-lain dengan orang atau organisasi lain yang boleh mempengaruhi kerja mereka secara langsung dan tidak langsung perlu didedahkan. Sekiranya tidak ada konflik kepentingan, kenyataan hendaklah di tulis di penghujung manuskrip.

Contoh:

##### **Kenyataan konflik kepentingan**

Tiada potensi konflik kepentingan dilaporkan oleh penulis.

#### 4.7 RUJUKAN

Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan. Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk dalam manuskrip. Senarai rujukan yang lengkap hendaklah menggunakan sistem penulis – tahun (*author - date*) mengikut abjad. Senarai rujukan hendaklah diletakkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip.

Gaya penulisan rujukan adalah mengikut **APA Citation Style 7th edition**. Rujukan pula ditulis menggunakan format *Normal*, bersaiz 11 dan *Justified*.

#### 5.0 SPESIFIKASI JARAK

Selain daripada panduan yang disenaraikan dalam 4.0 di atas, penulis diminta supaya mematuhi panduan berikut dalam penulisan manuskrip.

- i. Nama penulis perlu diletakkan di bawah tajuk manuskrip dengan diselangkan sebanyak dua baris.
- ii. Maklumat lanjut mengenai seperti institusi dan e-mel perlu diletakkan di bawah nama penulis pada muka surat pertama manuskrip berkenaan.
- iii. Jarak antara Tajuk dengan Nama Penulis dan Abstrak dan antara abstrak dengan baris pertama teks adalah dua baris.

- iv. Jarak antara subjudul dengan baris terakhir teks sebelumnya ialah satu baris.
- v. Jarak antara subjudul dengan baris pertama teks selepasnya ialah satu baris.
- vi. Jarak antara perenggan ialah satu baris.
- vii. Mulakan subjudul beserta nombornya dari jidar kiri.
- viii. Mulakan baris pertama perenggan dengan **TANPA** jarak dari jidar kiri.
- ix. Jarak antara ayat terakhir dengan Jadual, Rajah atau ilustrasi ialah satu baris.
- x. *Line Spacing* ialah 1

## 6.0 HAK CIPTA

Manuskrip yang diterbitkan dalam Jurnal TEMPAWAN adalah menjadi hak milik IPGKIK. IPGKIK berhak menerbitkan semula manuskrip ini dalam pelbagai bentuk untuk tujuan ilmiah. Penulis-penulis yang telah membuat pengakuan kepada manuskrip yang diterbitkan adalah bertanggungjawab kepada isi kandungannya.

## 7.0 PENYERAHAN SKRIP

Sebelum menghantar manuskrip tersebut, sila gunakan senarai semak di **Lampiran 1**. Penulis artikel digalakkan untuk mendapatkan pandangan dari pensyarah atau pakar lain. Manuskrip hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 1 April** melalui e-mel mengikut format yang ditetapkan dalam panduan ini kepada:

Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi  
Institusi Pendidikan Guru Ilmu Khas  
e-mel: [tempawan@ipgkik.edu.my](mailto:tempawan@ipgkik.edu.my)

**JURNAL TEMPAWAN  
SENARAI SEMAK**

	Sila Tandakan (√)	Untuk Kegunaan JPPI
<b>A. FORMAT PENULISAN</b>		
1. Saiz Kertas – A4		
2. Jenis Font – Times New Roman		
3. Tajuk Manuskrip dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris		
3.1 Saiz – 12		
3.2 Bold & Uppercase		
3.3 Centered		
4. Maklumat Penulis		
4.1 Nama		
4.2 Institusi		
4.3 Alamat e-mel		
4.4 Saiz: 11 poin		
4.5 <i>Capitalised Each Word</i>		
4.6 <i>Centered</i>		
<b>B. ABSTRAK</b>		
1. Bilangan perkataan (tidak melebihi 200 patah perkataan)		
2. Abstrak ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris		
3. Font		
3.1 Saiz: 11 poin		
3.2 <i>Normal</i>		
3.3 <i>Justified</i>		
<b>C. KATA KUNCI</b>		
1. Bilangan perkataan 3 hingga 5		
2. Font		
2.1 Saiz: 11 poin		
2.2 <i>Normal</i>		
2.3 <i>Justified</i>		
<b>D. RUJUKAN</b>		
1. Gaya APA Edisi ke-7		
<b>E. BAHASA</b>		
1. Tiada kesilapan tatabahasa dan ejaan		